




KENYATAAN MEDIA
YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
NEGERI SABAH

A. LAPORAN HARIAN KES JANGKITAN COVID-19

- 1 Berdasarkan laporan Jabatan Kesihatan Negeri Sabah, jumlah kes positif baharu COVID-19 di negeri ini adalah sebanyak 616 kes. Jumlah kumulatif ialah sebanyak 19,898 kes. Hari ini tiga (3) kes kematian dicatatkan iaitu dua (2) di Kota Kinabalu dan satu (1) Kudat. Takziah kepada semua keluarga yang terlibat.
- 2 Pada hari ini, seramai 780 pesakit COVID-19 telah discaj / sembuh dari hospital. Manakala seramai 3,233 pesakit sedang menerima rawatan iaitu 733 orang di hospital dan 2,500 orang di PKRC. Bilangan pesakit COVID-19 dalam ICU ialah 67 orang dan 15 orang pula memerlukan alat bantuan pernafasan (*ventilated*).
- 3 Kes-kes jangkitan COVID-19 pada hari ini mengikut daerah adalah seperti berikut:



Daerah Kota Marudu telah berubah dari zon jingga ke zon merah, manakala Daerah Ranau bertukar dari zon jingga ke zon kuning pada hari ini.

- 4 Pada hari ini, terdapat satu (1) kluster baharu di Lahad Datu iaitu:
 - (i) Kluster *Softwood* mencatatkan sebanyak 14 kes.
- 5 Daripada 616 kes positif COVID-19 hari ini, sebanyak 214 kes (34.7%) adalah berpunca dari Kluster Pusat Tahanan Sementara Tawau, Kluster Penjara Sandakan dan Kluster Penjara Kepayan. Selebihnya iaitu 402 kes adalah dari lain-lain kategori.
- 6 Jumlah kapasiti katil di Hospital COVID-19 adalah sebanyak 962 katil. Sementara, di Pusat Kuarantin dan Rawatan Berisiko Rendah (PKRC) adalah sebanyak 8,018 katil menjadikan jumlah keseluruhan 8,980 katil. Peratus penggunaan katil pada hari ini adalah 36.0%.

B. BANTUAN BAKUL MAKANAN (*FOOD BASKET*)

- 1 Pengagihan bantuan bakul makanan (*food basket*) kepada golongan sasar berjalan lancar. Sehingga hari ini, sebanyak **146,067** bakul makanan telah diagihkan.

C. LAPORAN SEKATAN JALAN RAYA (SJR), PENGUATKUASAAN PERAIRAN SABAH, SANITASI DAN HEBAHAN UMUM *INFO ON WHEELS*

- 1 Sebanyak 66 SJR telah dilaksana melibatkan pemeriksaan 52,863 kenderaan. Daripada jumlah tersebut, 200 buah kenderaan diarah berpatah balik manakala 28 kompaun dikeluarkan atas kesalahan melanggar SOP COVID-19. PDRM juga telah melaksanakan 66 hebahan melalui kereta peronda. Kadar pematuhan penduduk terhadap SOP PKPB ialah 96.5%.
- 2 Penguatkuasaan SOP turut dijalankan di perairan laut Sabah oleh Pasukan Polis Marin yang melibatkan 45 pemeriksaan di kawasan Pantai Timur dan 21 pemeriksaan di perairan Kota Kinabalu dan Labuan.

- 3 Jabatan Bomba dan Penyelamat Sabah telah melaksanakan sanitasi di 10 premis di lima (5) daerah iaitu Semporna, Tawau, Sandakan, Kota Marudu dan Kota Kinabalu.
- 4 Hebahan umum *Info On Wheels* Jabatan Penerangan Sabah mengenai pematuhan SOP, amalkan 3W, elakkan 3C dan pembudayaan norma baharu telah dilaksanakan di 42 lokasi di 4 buah daerah.

Kerjasama padu daripada semua pihak amat penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian COVID-19 dengan mematuhi SOP yang sedang berkuatkuasa dan mengamalkan norma baharu dalam kehidupan seharian.

**#kitajagakita #stayhome #staysafe
#workfromhome
#normabaharu**

Sekian.

**YB MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN
DAN
MENTERI KEWANGAN II
07 November 2020**